

## PROSEDUR PENGENDALIAN DAN PERATURAN KESELAMATAN PENGGUNAAN BAHAN KIMIA YANG SANGAT BERACUN (BSR)

### SKOP:

Prosedur ini digunapakai untuk semua pengguna yang menggunakan bahan kimia yang sangat beracun yang telah disenaraikan oleh Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Universiti (JKKPU). Ini bagi memastikan segala aspek keselamatan dapat dipatuhi bagi menjamin keselamatan staf, pelajar dan alam sekitar.

### TERMA RUJUKAN:

1. Peraturan Keselamatan Penggunaan Bahan-Bahan Kimia Yang Sangat Beracun (BSR). Tarikh Kelulusan: Mesyuarat ke-22, JKKPU pada 8 April 2004. Tarikh Kemaskini: Mesyuarat ke-59, JKKPU pada 19 April 2016 (Peraturan ini boleh diperolehi di laman sesawang UKKPU – <http://ukkp.usm.my>)
2. Peraturan Keselamatan Penggunaan Sianida. Tarikh Kelulusan: Mesyuarat ke-17, JKKPU pada 2 Januari 2003. Tarikh Kemaskini: Mesyuarat ke-59, JKKPU pada 19 April 2016 (Peraturan ini boleh diperolehi di laman sesawang UKKPU – <http://ukkp.usm.my>)
3. LWI-TEC-415 ~ *A Safe Guide In Using Osmium Tetroxide*
4. Prosedur Pemeriksaan, Penyelenggaraan dan Pembaikan Kebuk Wasap USM (Peraturan ini boleh diperolehi di laman sesawang UKKPU - <http://ukkp.usm.my>)
5. Panduan Keselamatan Bahan Kimia (Peraturan ini boleh diperolehi di laman sesawang UKKPU – <http://ukkp.usm.my>)

### PROSEDUR:

No.	Langkah	Tindakan	Catatan
1	Mengisi Borang Pemohonan BSR.	Pengguna	<p>Borang Permohonan BSR (UPMS 20)</p> <p>(a) Nama Pengguna            (b) Nama BSR            (c) Kuantiti Maksimum BSR yang diperlukan            (d) Tarikh Penggunaan            (e) Lokasi Penggunaan            (f) Lokasi Penyimpanan            (g) Tujuan Penggunaan            (h) Pengesahan Penyelia Pelajar            (i) Verifikasi Stor (PPSK (Kimia) – Kuantiti stok sedia ada            (j) Verifikasi PIC BSR (kuantiti larutan kerja)            (k) Kelulusan Dekan</p> <p>Salinan borang yang telah lengkap perlu dimajukan kepada:-</p> <p>1) UKKP Kampus Kesihatan            2) Pengurus Makmal terlibat            3) Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan UPMS</p>

No.	Langkah	Tindakan	Catatan
			4) Setiausaha JKKP-PPSK  Nota: Proses pembelian BSR hendaklah diuruskan melalui stor PPSK.
2.	Mempunyai kompetensi menggunakan BSR.	Jurulatih/PIC BSR,  Pengguna	Rujuk tatacara Ujian Penilaian Kemahiran Pengendalian BSR (UPKPBSR)  Keperluan latihan pengendalian BSR perlu diberikan kepada pengguna sebelum dibenarkan guna.  Membekal kit penggunaan BSR (Prosedur standard, penggunaan, tumpahan dan label berkaitan).
3.	Membuat permohonan pengeluaran (BSR) dari stor.	PIC BSR	Borang KEW.PS.8  Nota: Perlu dilampirkan salinan borang UPMS 20 yang telah lengkap dengan kelulusan Dekan.
4.	Memakai alat lindung diri yang sesuai pada setiap masa dan menggunakan kebuk wasap.	Pengurus Makmal,  Pengguna	Kebuk wasap hendaklah memenuhi spesifikasi yang sesuai dengan penggunaan BSR (halaju melebihi 0.75 m/s untuk Osmium tetroxide).
5.	Mewujudkan tanda amaran di mana bahan kimia disimpan serta semasa penggunaan bahan kimia tersebut bagi memberi amaran kepada pengguna makmal yang lain.	Pengurus Makmal terlibat,  Pengguna	Menyatakan jenis bahaya bahan kimia tersebut dan hanya pengguna yang dibenarkan sahaja boleh menggunakannya.
6.	Mengemaskini inventori BSR	PIC BSR/ PIC Stor kimia	Rekod sentiasa dikemaskini dan boleh ditunjukkan jika diminta oleh pihak berkenaan.
7.	Melupuskan sisa BSR	Pengguna	BSR dilupuskan mengikut tatacara pelupusan bahan kimia yang ditetapkan (Neutralisasi/pengurangan hazard).

Disediakan oleh:

1. En Md Lukmi Ismai (Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan UPMS- Penyelia)
2. Pn Hafizah Harun (Setiausaha JKPP PPSK – Fasilitator)
3. En Mohamad Noor Mohamad Roze (Ketua)
4. Pn Wan Suriati Wan Nik
5. Pn Siti Mahirah Yusuf
6. En Zakaria Kasim
7. En Rosliza Haron
8. En Nik Fakurudin Nik Ali

Disahkan oleh:




**PROFESOR DR. WAN ROSLI WAN ISHAK**  
Dekan  
Pusat Pengajian Sains Kesihatan

Pengerusi JKPP PPSK

Tarikh: 10 Ogos 2022

## CARTA ALIRAN PENGENDALIAN DAN PERATURAN KESELAMATAN PENGGUNAAN BAHAN KIMIA YANG SANGAT BERACUN (BSR)





## UNIT PENGURUSAN MAKMAL SAINS

PUSAT PENGAJIAN SAINS KESIHATAN KAMPUS KESIHATAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

No. Ruj:
----------

<b>BORANG PERMOHONAN BAHAN KIMIA SANGAT BERACUN (BSR)</b>
---

*Pemohon perlu menyerahkan borang ini kepada Ketua Penolong Pegawai Stor PPSK (Kimia) En. Nik Fakurudin Nik Ali samb. :7869.*

Nama Pemohon : \_\_\_\_\_

No Staf/No Matrik: \_\_\_\_\_

Program Pengajian : \_\_\_\_\_

No Telefon Bimbit: \_\_\_\_\_

Alamat Emel : \_\_\_\_\_

1. Nama BSR	
2. Kuantiti BSR yang diperlukan	
3. Tarikh dan tempoh penggunaan	
4. Lokasi penggunaan	
5. Lokasi penyimpanan	
6. Tujuan penggunaan	

<b>A. <u>Pengesahan Penyelia Pelajar</u></b>	Tandatangan / cop / tarikh
Nama Penyelia : .....	
No. Telefon : .....	.....
<b>B. <u>Perakuan Stor PPSK (Kimia) untuk mengambil BSR</u></b>	Tandatangan / cop / tarikh
Diperaku oleh: .....	.....
<b>C. <u>Kebeneran oleh Penyelia BSR</u></b> <i>(Setelah menjalani latihan pengendalian BSR)</i>	Tandatangan / cop / tarikh
Nama Penyelia BSR : .....	.....
<b>D. <u>Kelulusan oleh Dekan</u></b> <i>(Kelulusan Dekan hanya dapat diperolehi setelah diperakui pada semua peringkat yang terlibat)</i>	Tandatangan / cop / tarikh
	.....

